



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN SURVEI PERBELANJAAN ISI RUMAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN

HOUSEHOLD EXPENDITURE SURVEY REPORT
BY STATE AND ADMINISTRATIVE DISTRICT

JOHOR 2024

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics, Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks / Fax	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / Youtube	:	StatsMalaysia
Emel / Email	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)
Harga / Price	:	RM30.00

Diterbitkan pada Oktober 2025 / *Published in October 2025*

Hakcipta terpelihara / All rights reserved.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source : Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2716-568X



KATA PENGANTAR

Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah, Johor, 2024 diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang membentangkan statistik perbelanjaan penggunaan isi rumah meliputi 13 kumpulan utama barangan dan perkhidmatan. Pengelasan kumpulan utama ini adalah berdasarkan *Classification of Individual Consumption According to Purpose 2018* (COICOP 2018) yang diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division* (UNSD). Statistik berkaitan perbelanjaan yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan *System of National Accounts 2008* oleh *United Nations* dan *Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013* yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).

Statistik daripada laporan ini merupakan maklumat penting yang digunakan oleh agensi kerajaan sebagai input dalam perancangan, pembentukan dan pemantauan pelan pembangunan negara. Statistik ini juga penting untuk tujuan pengemaskinian wajaran dan penentuan item dalam bakul barangan dan perkhidmatan bagi penyusunan Indeks Harga Pengguna Malaysia. Penyusunan statistik ini juga merupakan sumber rujukan bagi ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu bagi tujuan penyelidikan dan analisis yang lebih terperinci.

Laporan ini mengandungi tiga (3) bahagian utama. Bahagian pertama memaparkan penemuan utama dan ringkasan penemuan. Bahagian kedua pula menunjukkan statistik terperinci seperti perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut ciri-ciri demografi dan kumpulan utama perbelanjaan. Sementara itu, bahagian ketiga menerangkan aspek teknikal seperti konsep, definisi dan metodologi survei bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan daripada semua pihak untuk tujuan penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia

Oktober 2025



PREFACE

The Household Expenditure Survey Report, Johor, 2024 is published by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) which presents statistics on household consumption expenditure encompassing 13 main groups of goods and services. The classification of these main groups is based on the Classification of Individual Consumption According to Purpose 2018 (COICOP 2018), which is published by the United Nations Statistics Division (UNSD). The statistics on expenditure published in this report are based on the concepts and guidelines of the System of National Accounts 2008 by the United Nations and Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013 by the Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).

Statistics from this report provide pertinent information used by government agencies as input in the planning, formation and monitoring of national development plans. These statistics are also important for the purpose of updating the weights and to identify the items in the basket of goods and services for the compilation of the Consumer Price Index Malaysia. The compilation of these statistics also serves as reference source for economists, academicians, private sectors and individuals for more detailed research and analysis purposes.

This report consists of three (3) main parts. The first part presents the main findings and a summary of the findings. The second part shows detailed statistics such as household consumption expenditure by demographic characteristics and main groups of expenditure. Meanwhile, the third part describes technical aspects such as concepts, definition and survey methodology to facilitate users to better understand the published statistics.

DOSM gratefully acknowledges the cooperation rendered by all parties who have contributed directly and indirectly in realising this publication. Every feedback and suggestions from all parties towards improving this report in the future are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia

October 2025

KANDUNGAN

CONTENTS

Muka Surat

Page

.....

Kata Pengantar

Preface

iii

Kandungan

Contents

v

Senarai Jadual

List of Tables

vii

Ringkasan Penemuan

Summary of Findings

1

Jadual Statistik

Statistical Tables

Statistik Utama

Main Statistics

..... 31

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Ciri-ciri Demografi

Household Consumption Expenditure by Demographics Characteristics

..... 37

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Kumpulan Utama Perbelanjaan

Household Consumption Expenditure by Main Groups of Expenditure

..... 43

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Kumpulan Perbelanjaan Terperinci

Household Consumption Expenditure by Detailed Expenditure Groups

..... 59

Statistik Terpilih Malaysia

Selected Statistics of Malaysia

81

Ralat Piawai Relatif

Relative Standard Error

97

Nota Teknikal

Technical Notes

103

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

LAPORAN SURVEI

PERBELANJAAN ISI RUMAH

*HOUSEHOLD EXPENDITURE
SURVEY REPORT*

2024

SENARAI JADUAL LIST OF TABLES

1

Statistik Utama

Main Statistics

Muka Surat
Page

1.1	Bilangan isi rumah mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2022 dan 2024 <i>Number of households by state and strata, Malaysia, 2022 and 2024</i>	33
1.2	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut negeri, Malaysia, 2022 dan 2024 <i>Median, mean and compounded annual growth rate of monthly household consumption expenditure by state, Malaysia, 2022 and 2024</i>	34
1.3	Perbelanjaan penggunaan isi rumah per kapita bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut negeri, Malaysia, 2022 dan 2024 <i>Median, mean and compounded annual growth rate of monthly per capita household consumption expenditure by state, Malaysia, 2022 and 2024</i>	35

2

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Ciri-ciri Demografi

Household Consumption Expenditure by Demographic Characteristics

2.1	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut kumpulan etnik ketua isi rumah dan strata, Johor, 2022 dan 2024 <i>Median, mean and compounded annual growth rate of monthly household consumption expenditure by ethnic groups of the head of household and strata, Johor, 2022 and 2024</i>	39
2.2	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah dan purata mengikut daerah pentadbiran, Johor, 2024 <i>Median and mean of monthly household consumption expenditure by administrative district, Johor, 2024</i>	39
2.3	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut kelas pendapatan isi rumah bulanan dan strata, Johor, 2024 <i>Mean monthly household consumption expenditure by monthly household income class and strata, Johor, 2024</i>	40
2.4	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut kelas pendapatan isi rumah bulanan dan daerah pentadbiran, Johor, 2024 <i>Mean monthly household consumption expenditure by monthly household income class and administrative district, Johor, 2024</i>	41

SENARAI JADUAL LIST OF TABLES

3

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Kumpulan Utama Perbelanjaan

Muka Surat
Page

Household Consumption Expenditure by Main Groups of Expenditure

3.1	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut jenis barang, Malaysia, 2024 <i>Composition of monthly household consumption expenditure by types of goods, Malaysia, 2024</i>	45
3.2	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut jenis barang, Johor, 2024 <i>Composition of monthly household consumption expenditure by types of goods, Johor, 2024</i>	45
3.3	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut strata, Malaysia, 2024 <i>Composition of monthly household consumption expenditure by strata, Malaysia, 2024</i>	46
3.4	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut strata, Johor, 2024 <i>Composition of monthly household consumption expenditure by strata, Johor, 2024</i>	47
3.5	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut daerah pentadbiran, Johor, 2024 <i>Composition of monthly household consumption expenditure by administrative district, Johor, 2024</i>	48
3.6	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut kumpulan etnik ketua isi rumah, Johor, 2024 <i>Mean monthly household consumption expenditure by ethnic groups of the head of household, Johor, 2024</i>	51
3.7	Peratusan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut kumpulan etnik ketua isi rumah, Johor, 2024 <i>Percentage of monthly household consumption expenditure by ethnic groups of the head of household, Johor, 2024</i>	52
3.8	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut kumpulan umur ketua isi rumah, Johor, 2024 <i>Mean monthly household consumption expenditure by age groups of the head of household, Johor, 2024</i>	53

SENARAI JADUAL LIST OF TABLES

Muka Surat
Page

3.9	Peratusan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut kumpulan umur ketua isi rumah, Johor, 2024 <i>Percentage of monthly household consumption expenditure by age groups of the head of household, Johor, 2024</i>	54
3.10	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut saiz isi rumah, Johor, 2024 <i>Mean monthly household consumption expenditure by household size, Johor, 2024</i>	55
3.11	Peratusan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut saiz isi rumah, Johor, 2024 <i>Percentage of monthly household consumption expenditure by household size, Johor, 2024</i>	56
3.12	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut kumpulan isi rumah, Johor, 2024 <i>Composition of monthly household consumption expenditure by household groups, Johor, 2024</i>	57
3.13	Siri masa komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan, Johor, 2016 - 2024 <i>Time series of composition of monthly household consumption expenditure, Johor, 2016 - 2024</i>	58

4

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Kumpulan Perbelanjaan Terperinci

Household Consumption Expenditure by Detailed Expenditure Groups

4.1	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut subkumpulan perbelanjaan dan strata, Malaysia, 2024 <i>Composition of monthly household consumption expenditure by subgroups of expenditure and strata, Malaysia, 2024</i>	61
4.2	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut subkumpulan perbelanjaan dan strata, Johor, 2024 <i>Composition of monthly household consumption expenditure by subgroups of expenditure and strata, Johor, 2024</i>	71

SENARAI JADUAL LIST OF TABLES

5

Statistik Terpilih Malaysia

Selected Statistics of Malaysia

Muka Surat
Page

5.1	Bilangan penduduk mengikut negeri, daerah pentadbiran dan kewarganegaraan, Malaysia, 2022 - 2024 <i>Number of population by state, administrative district and citizenship, Malaysia, 2022 - 2024</i>	83
5.2	Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita mengikut negeri, 2022 - 2024 pada harga semasa - Ringgit Malaysia <i>Gross Domestic Product (GDP) per capita by state, 2022 - 2024 at current prices - Ringgit Malaysia</i>	87
5.3	Indeks Harga Pengguna (2010=100) dan perubahan peratus mengikut kumpulan utama, Malaysia, 2022 - 2024 <i>Consumer Price Index (2010=100) and percentage change by main groups, Malaysia, 2022 - 2024</i>	88
5.4	Indeks Harga Pengguna (2010=100) dan perubahan peratus mengikut negeri, Malaysia, 2022 - 2024 <i>Consumer Price Index (2010=100) and percentage change by state, Malaysia, 2022 - 2024</i>	89
5.5	Indeks Harga Pengguna (2010=100) dan perubahan peratus mengikut kumpulan utama, Johor, 2022 - 2024 <i>Consumer Price Index (2010=100) and percentage change by main groups, Johor, 2022 - 2024</i>	90
5.6	Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata mengikut negeri dan daerah pentadbiran, Malaysia, 2022 dan 2024 <i>Mean of monthly household gross income by state and administrative district, Malaysia, 2022 and 2024</i>	91
5.7	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut negeri dan daerah pentadbiran, Malaysia, 2022 dan 2024 <i>Mean of monthly household consumption expenditure by state and administrative district, Malaysia, 2022 and 2024</i>	94

SENARAI JADUAL LIST OF TABLES

6

Ralat Piawai Relatif

Relative Standard Error

Muka Surat
Page

6.1	Ralat piawai relatif bagi anggaran perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata dan komposisi perbelanjaan isi rumah mengikut strata, Johor, 2024	99
	<i>Relative standard error of estimates for mean monthly household consumption expenditure and the composition of household expenditure by strata, Johor, 2024</i>	
6.2	Ralat piawai relatif bagi anggaran perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Johor, 2024	102
	<i>Relative standard error of estimates for mean monthly household consumption expenditure by administrative district, Johor, 2024</i>	

RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY OF FINDINGS

LAPORAN SURVEI

PERBELANJAAN ISI RUMAH

*HOUSEHOLD EXPENDITURE
SURVEY REPORT*


2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KOMPOSISI PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN PURATA MENGIKUT KUMPULAN UTAMA, JOHOR, 2024



PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN PURATA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, JOHOR, 2024



Nota :

1. Perbelanjaan purata berdasarkan keseluruhan isi rumah

2. **CAGR¹** : Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (2022-2024)

Sumber : Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



20 Oktober

2016 - 2030

TIGA SUBKUMPULAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN TERTINGGI MENGIKUT EMPAT KUMPULAN UTAMA, JOHOR, 2022 DAN 2024

01



Makanan & Minuman

2022

17.4%



Ikan & makanan laut lain

26.9%



Bijirin & produk bijirin

13.0%



Haiwan hidup, daging & bahagian lain bagi haiwan darat yang disembelih

12.8%

2024

16.5%



Ikan & makanan laut lain

28.2%



Haiwan hidup, daging & bahagian lain bagi haiwan darat yang disembelih

12.8%



Makanan sedia dimakan dan produk makanan lain

12.2%

04



Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain

2022

22.3%



Sewaan*

74.6%



Bekalan elektrik

11.5%



Bekalan air

4.4%

2024

22.4%



Sewaan*

76.7%



Bekalan elektrik

12.4%



Bekalan air

4.6%

07



Pengangkutan

2022

11.7%



Bahan api & pelincir untuk kelengkapan pengangkutan persendirian

61.2%



Penyelenggaraan & pembaikan kelengkapan kenderaan persendirian

15.6%



Perkhidmatan lain berkenaan kelengkapan pengangkutan persendirian

6.3%

2024

12.4%



Bahan api & pelincir untuk kelengkapan pengangkutan persendirian

64.2%



Penyelenggaraan & pembaikan kelengkapan kenderaan persendirian

13.3%



Perkhidmatan lain berkenaan kelengkapan pengangkutan persendirian

11.2%

11



Restoran & Perkhidmatan Penginapan

2022

13.7%



Restoran, kafe, kantin, kafetaria, dewan makan & seumpamanya

94.3%



Perkhidmatan penginapan

5.2%



Pembelian makanan dari lain-lain medium

0.6%

2024

15.8%



Restoran, kafe, kantin, kafetaria, dewan makan & seumpamanya

95.8%



Perkhidmatan penginapan

3.8%



Pembelian makanan dari lain-lain medium

0.4%

Nota:


- * Merujuk kepada hasil tambah subkumpulan 0411, 0412, 0421 & 0422 (Rujuk COICOP 2018)
 - % dan % merujuk kepada peratusan kumpulan perbelanjaan dua digit kepada jumlah perbelanjaan isi rumah
 - % merujuk kepada peratusan kumpulan perbelanjaan empat digit kepada jumlah perbelanjaan kumpulan dua digit
- Sumber : Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

COMPOSITION OF MEAN MONTHLY HOUSEHOLD CONSUMPTION EXPENDITURE BY MAIN GROUPS, JOHOR, 2024



MEAN MONTHLY HOUSEHOLD CONSUMPTION EXPENDITURE BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, JOHOR, 2024



Notes :

1. Mean expenditure is based on total household

2. CAGR¹ : Compounded Annual Growth Rate (2022-2024)

Source : Household Expenditure Survey Report 2024, Department of Statistics Malaysia (DOSM)



20 October

2016 - 2030



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

THE HIGHEST THREE SUBGROUP OF MONTHLY HOUSEHOLD CONSUMPTION EXPENDITURE BY FOUR MAIN GROUPS, JOHOR, 2022 AND 2024

01



Food & Beverages

2022

17.4%



Fish & other seafood

26.9%



Cereals & cereal products

13.0%



Live animals, meat & other parts of slaughtered land animals

12.8%

2024

16.5%



Fish & other seafood

28.2%



Live animals, meat & other parts of slaughtered land animals

12.8%



Ready-made food & other food products n.e.c.

12.2%

04



Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels

2022

22.3%



Rental*

74.6%



Electricity

11.5%



Water supply

4.4%

2024

22.4%



Rental*

76.7%



Electricity

12.4%



Water supply

4.6%

07



Transport

2022

11.7%



Fuels & lubricants for personal transport equipment

61.2%



Maintenance & repair of personal transport equipment

15.6%



Other services in respect of personal transport equipment

6.3%

2024

12.4%



Fuels & lubricants for personal transport equipment

64.2%



Maintenance & repair of personal transport equipment

13.3%



Other services in respect of personal transport equipment

11.2%

11



Restaurants & Accommodation Services

2022

13.7%



Restaurants, cafés, canteens, cafeterias, refectories & the like

94.3%



Accommodation services

5.2%



Food purchase from other medium

0.6%

2024

15.8%



Restaurants, cafés, canteens, cafeterias, refectories & the like

95.8%



Accommodation services

3.8%



Food purchase from other medium

0.4%

Notes :

1. * Refers to the sums of 0411, 0412, 0421 & 0422 subgroups (Refer COICOP 2018)

2. % and % refer to the percentage of the two-digit expenditure groups to the total household expenditure

3. % refers to the percentage of the four-digit expenditure groups to the total of expenditure of two-digit groups

Source : Household Expenditure Survey Report 2024, Department of Statistics Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



20 October

2016 - 2030

A. PENGENALAN

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta merupakan komponen penting dan pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pada 2024, ia kekal sebagai penyumbang terbesar sebanyak 60.7 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada harga semasa. Perbelanjaan penggunaan secara tidak langsung mewujudkan permintaan dan seterusnya merancakkan ekonomi negara. Antara faktor yang boleh mempengaruhi perubahan komposisi dan corak penggunaan isi rumah di Malaysia ialah peningkatan pendapatan, harga barangan serta cita rasa pengguna. Oleh itu, pemahaman tentang corak perbelanjaan pengguna memainkan peranan penting dalam pelaksanaan strategi yang berkesan untuk mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi negara, meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup masyarakat. Perbelanjaan isi rumah dapat dikaji melalui Survei Perbelanjaan Isi Rumah (*Household Expenditure Survey - HES*) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi mengumpul data yang komprehensif.

B. LATAR BELAKANG SURVEI

HES 2024 merupakan survei kali ke-17 sejak pelaksanaannya yang pertama pada tahun 1957/1958. Survei ini dijalankan oleh DOSM secara berkala iaitu sekali setiap lima tahun sehingga tahun 2014 bagi mendapatkan maklumat berkaitan paras dan corak perbelanjaan isi rumah ke atas pelbagai barangan dan perkhidmatan. Mulai tahun 2016, HES telah disepadukan dengan Survei Pendapatan Isi Rumah (*Household Income Survey - HIS*) dan dilaksanakan dengan kekerapan dua kali dalam tempoh lima tahun bagi meningkatkan keberkalaan data dan ketepatan anggaran.

HES 2024 dilaksanakan menggunakan kaedah pensampelan rawak sistematik seperti pelaksanaan survei sebelum ini. Sampel bagi survei ini dipilih berdasarkan senarai tempat kediaman yang diperoleh daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Kaedah pemilihan ini membolehkan anggaran yang dihasilkan mewakili populasi isi rumah Malaysia yang dianggarkan berjumlah 8.7 juta pada tahun 2024, merangkumi semua negeri dan peringkat daerah pentadbiran.

Pada fasa awal pelaksanaannya data perbelanjaan isi rumah digunakan terutamanya untuk menyediakan wajaran bagi pembentukan Indeks Harga Pengguna (IHP) serta menjalankan kajian pola perbelanjaan isi rumah. Selaras dengan perubahan struktur ekonomi dan sosial negara, maklumat ini kini berperanan penting dalam pelbagai aspek pembangunan dan perancangan dasar. Data yang diperoleh melalui HES kini digunakan secara meluas untuk pengiraan KDNK, pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), penilaian kos sara hidup dan analisis ketidaksamarataan.

C. PENEMUAN SURVEI

Ringkasan penemuan membentangkan dapatan yang terbahagi kepada tiga (3) bahagian merangkumi statistik perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan, peratusan tiga subkumpulan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan tertinggi mengikut kumpulan utama serta perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan dan IHP.

1. STATISTIK PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN

Perbelanjaan penggunaan merujuk kepada bahagian pendapatan yang dibelanjakan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan. Berdasarkan dapatan survei, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata meningkat daripada RM5,342 pada 2022 kepada RM5,927 pada tahun 2024 dengan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR) 5.2 peratus. Pada tempoh yang sama, purata pendapatan isi rumah turut meningkat daripada RM8,517 kepada RM9,484.

Sementara itu, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah meningkat daripada RM4,636 pada tahun 2022 kepada RM5,280 pada tahun 2024 dengan CAGR 6.5 peratus. Perbelanjaan penggunaan isi rumah per kapita bulanan purata yang diperoleh dengan membahagikan nilai perbelanjaan isi rumah 2024 dengan bilangan penduduk di Johor, meningkat daripada RM1,701 pada 2022 kepada RM1,957 pada 2024, yang mencatatkan peningkatan 7.0 peratus

1.1 PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN MENGIKUT KUMPULAN UTAMA


Perbandingan peratusan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata bagi tahun 2024 dan 2022 memberikan gambaran tentang perubahan corak perbelanjaan isi rumah sejajar dengan perkembangan sosioekonomi negara. Dalam tempoh tersebut, perbelanjaan isi rumah dipengaruhi oleh faktor seperti peningkatan kos sara hidup dan perubahan demografi isi rumah. Analisis berdasarkan 13 kumpulan utama perbelanjaan ini membolehkan penilaian dibuat terhadap peratusan perbelanjaan yang merekodkan peningkatan atau penurunan.

Dapatan survei pada tahun 2024 menunjukkan terdapat enam (6) kumpulan utama menunjukkan peningkatan dalam komposisi perbelanjaan isi rumah berbanding tahun 2022. Peningkatan tertinggi dicatatkan dalam kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (2.1 mata peratus) diikuti Pengangkutan (0.7 mata peratus); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (0.2 mata peratus); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah masing-masing 0.1 mata peratus.

Di samping itu, tujuh (7) kumpulan lain mencatatkan penurunan dalam komposisi perbelanjaan pada tahun 2024 berbanding 2022. Penurunan terbesar direkodkan oleh Makanan & Minuman dan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (-0.9 mata peratus) diikuti Maklumat & Komunikasi (-0.8 mata peratus); Kesihatan dan Perkhidmatan Pendidikan (-0.3 mata peratus); Minuman Alkohol & Tembakau dan Pakaian & Kasut masing-masing -0.1 mata peratus **[Paparan 1]**.

Paparan 1

Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut 13 kumpulan utama, Johor, 2022 dan 2024



1.2 PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN


Analisis perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut daerah pentadbiran penting bagi memahami variasi geografi dalam corak perbelanjaan dan kesejahteraan isi rumah di Malaysia. Kajian oleh Ismail et al. (2023)², dalam Jurnal Ekonomi Malaysia menunjukkan bahawa corak perbelanjaan isi rumah berbeza mengikut lokasi, dipengaruhi oleh faktor seperti tahap pendapatan, demografi isi rumah serta harga barangan dan perkhidmatan tempatan.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran di Johor menunjukkan jumlah tertinggi direkodkan di daerah Johor Bahru manakala paling rendah di daerah Mersing. Dua (2) daerah pentadbiran mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata melebihi paras negeri (RM5,927) iaitu Johor Bahru (RM6,764) dan Kulai (RM6,254). Daerah-daerah pentadbiran lain mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata di bawah paras negeri [Carta 1].

²Ismail, N. A., Daud, L., Mohd, S., Samat, N., & Ridzuan, A. R. (2023). Consumption pattern determinants of low-income household: Evidence from Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 57(3), 31-45.

Carta 1

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Johor, 2024



1.3 PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN MENGIKUT SAIZ ISI RUMAH

Penemuan survei menunjukkan bahawa isi rumah perseorangan merekodkan purata perbelanjaan bulanan RM4,088. Seterusnya, isi rumah dua orang mencatatkan purata perbelanjaan RM5,141. Bagi isi rumah tiga orang, purata perbelanjaan adalah RM5,859, manakala isi rumah yang terdiri daripada empat orang dan lebih mencatatkan purata perbelanjaan RM6,576.

Dapatan menunjukkan isi rumah perseorangan membelanjakan 29.7 peratus untuk kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain. Peratusan ini menurun kepada 25.1 peratus bagi isi rumah dua orang, 23.2 peratus bagi isi rumah tiga orang dan 20.5 peratus bagi isi rumah yang terdiri daripada empat orang dan lebih **[Jadual 1]**.

Jadual 1

Peratusan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut saiz isi rumah, Johor, 2024

Kumpulan perbelanjaan	Komposisi			
	Saiz isi rumah (orang)			
	Satu	Dua	Tiga	Empat dan lebih
Makanan & Minuman	15.8	16.5	16.6	16.5
Minuman Alkohol & Tembakau	2.0	1.9	2.1	2.1
Pakaian & Kasut	2.1	2.4	2.5	2.8
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	29.7	25.1	23.2	20.5
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	4.2	4.5	4.1	3.9
Kesihatan	4.7	4.1	3.7	3.3
Pengangkutan	10.6	11.9	12.7	12.6
Maklumat & Komunikasi	4.0	5.0	5.5	5.9
Rekreasi, Sukan & Kebudayaan	3.4	3.0	3.4	3.6
Perkhidmatan Pendidikan	0.3	0.4	1.0	1.9
Restoran & Perkhidmatan Penginapan	14.6	14.4	15.3	16.6
Insurans & Perkhidmatan Kewangan	3.7	4.7	4.3	4.7
Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	4.9	6.1	5.6	5.6
JUMLAH	100.0	100.0	100.0	100.0
PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN PURATA (RM)	4,088	5,141	5,859	6,576

1.4 PERBELANJAAN PENGGUNAAN BULANAN MENGIKUT KUMPULAN UMUR KETUA ISI RUMAH


Purata perbelanjaan penggunaan bulanan tertinggi sebanyak RM6,407 direkodkan pada tahun 2024 oleh isi rumah yang diketuai oleh individu berumur 35 hingga 44 tahun. Ini diikuti oleh kumpulan umur 45 hingga 64 tahun dengan purata sebanyak RM6,249 sebulan. Purata perbelanjaan penggunaan bulanan terendah sebanyak RM4,563 direkodkan dalam kalangan isi rumah yang diketuai oleh individu berumur 15 hingga 24 tahun.

Dari segi komposisi perbelanjaan, kumpulan ketua isi rumah berumur 35 hingga 44 tahun mencatatkan perbelanjaan yang tertinggi bagi kumpulan Perumahan Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain sebanyak 22.4 peratus. Selain itu, kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan mencatatkan perbelanjaan sebanyak 16.4 peratus dan 16.2 peratus untuk kumpulan Makanan & Minuman.

Bagi ketua isi rumah yang berumur 15 hingga 24 tahun, kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain merupakan perbelanjaan utama yang merekodkan sebanyak 26.1 peratus, diikuti Makanan & Minuman pada 18.2 peratus serta Restoran & Perkhidmatan Penginapan sebanyak 17.5 peratus [Carta 2].

Carta 2

Komposisi perbelanjaan penggunaan bulanan mengikut kumpulan umur ketua isi rumah, Johor, 2024



2. PERATURAN TIGA SUBKUMPULAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN TERTINGGI MENGIKUT KUMPULAN UTAMA

Empat (4) kumpulan utama perbelanjaan tertinggi dikenal pasti iaitu Makanan & Minuman; Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain; Pengangkutan dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan.

Dapatan survei menunjukkan perbelanjaan ke atas ikan & makanan laut lain direkodkan sebagai perbelanjaan isi rumah tertinggi iaitu 28.2 peratus bagi kumpulan Makanan & Minuman. Di samping itu, haiwan hidup, daging & bahagian lain haiwan darat yang disembelih dan makanan sedia dimakan & produk makanan lain turut disenaraikan sebagai peraturan perbelanjaan isi rumah tertinggi, masing-masing sebanyak 12.8 peratus dan 12.2 peratus.

Peraturan perbelanjaan isi rumah tertinggi bagi kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain dicatatkan oleh sewaan dengan 76.7 peratus, diikuti oleh bekalan elektrik (12.4%) dan bekalan air (4.6%).

Dalam kumpulan Pengangkutan, bahan api & pelincir untuk kelengkapan pengangkutan persendirian mendominasi perbelanjaan isi rumah dengan merekodkan 64.2 peratus, diikuti penyelenggaraan & pembaikan kelengkapan kenderaan persendirian (13.3%) dan perkhidmatan lain berkenaan kelengkapan pengangkutan persendirian (11.2%).

Bagi kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan, komponen utama dengan peraturan perbelanjaan isi rumah tertinggi ialah restoran, kafe, kantin, kafetaria, dewan makan & seumpamanya sebanyak 95.8 peratus. Selain itu, perkhidmatan penginapan (3.8%) dan pembelian makanan dari lain-lain medium (0.4%) turut disenarai sebagai peraturan perbelanjaan penggunaan isi rumah tertinggi di Johor [Paparan 2].

Paparan 2

Peratusan tiga subkumpulan tertinggi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut kumpulan utama, Johor, 2024

01

Makanan & Minuman



28.2%

Ikan & makanan laut lain



12.8%

Haiwan hidup, daging & bahagian lain bagi haiwan darat yang disembelih



12.2%

Makanan sedia dimakan & produk makanan lain

03

Pakaian & Kasut



69.7%

Pakaian



20.3%

Kasut & lain-lain jenis alas kaki



6.1%

Lain-lain jenis pakaian & aksesori pakaian

04

Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain



76.7%

Sewaan*



12.4%

Bekalan elektrik



4.6%

Bekalan air

05

Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah



29.7%

Perabot, kelengkapan & permaidani



25.5%

Barang-barang isi rumah tidak tahan lama



12.4%

Perkhidmatan domestik & perkhidmatan urusan rumah tangga

Nota :

1. Paparan tidak termasuk perincian kumpulan 02

2. * Merujuk kepada hasil tambah subkumpulan 0411, 0412, 0421 & 0422 (Rujuk COICOP 2018)

06

Kesihatan



57.0%

Ubat-ubatan



11.8%

Perkhidmatan
pergihan pesakit luar



10.4%

Perkhidmatan
rawatan pesakit luar
yang lain

07

Pengangkutan



64.2%

Bahan api & pelincir
untuk kelengkapan
pengangkutan
persendirian



13.3%

Penyelenggaraan
& pembaikan
kelengkapan kenderaan
persendirian



11.2%

Perkhidmatan lain
berkenaan kelengkapan
pengangkutan
persendirian

08

Maklumat & Komunikasi



46.4%

Perkhidmatan
komunikasi mudah
alih



15.7%

Perkhidmatan
penyediaan akses
internet & net
storage services



13.6%

Perkhidmatan
maklumat
& komunikasi lain

09

Rekreasi, Sukan & Kebudayaan



25.0%

Perkhidmatan
rekreasi & sukan



12.0%

Permainan nasib



11.8%

Perkhidmatan yang
disediakan oleh
panggung wayang,
teater & tempat konsert

10

Perkhidmatan Pendidikan



52.4%

Pendidikan peringkat
pra sekolah
& sekolah rendah



27.9%

Pendidikan yang
tidak dikelaskan
mengikut peringkat



10.6%

Pendidikan peringkat
menengah

11

Restoran & Perkhidmatan Penginapan



95.8%

Restoran, kafe,
kantin, kafetaria,
dewan makan &
seumpamanya



3.8%

Perkhidmatan
penginapan



0.4%

Pembelian makanan
dari lain-lain
medium

12

Insurans & Perkhidmatan Kewangan



46.5%

Insurans berkaitan
dengan
pengangkutan



25.7%

Insurans berkaitan
dengan kesihatan



24.1%

Insurans nyawa
& kemalangan

13

Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan



56.4%

Lain-lain perkakas,
artikel & produk untuk
penjagaan diri



22.7%

Salon dandanan
rambut & pusat
dandanan peribadi



9.7%

Barang kemas
& jam tangan

Nota : Peratusan merujuk kepada purata subkumpulan (empat digit) perbelanjaan isi rumah dibahagi dengan jumlah purata perbelanjaan kumpulan utama (dua digit)


3. PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN DAN INDEKS HARGA PENGGUNA

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan merupakan salah satu komponen utama dalam menilai tahap kesejahteraan masyarakat. Seiring dengan itu, Indeks Harga Pengguna (IHP) digunakan dalam mengukur purata perubahan kos pembelian oleh isi rumah mengikut masa bagi bakul barangan dan perkhidmatan.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mencatatkan peningkatan daripada RM5,342 pada tahun 2022 kepada RM5,927 pada tahun 2024 dengan CAGR 5.2 peratus. IHP pada tahun 2024 mencatatkan 136.1 berbanding 130.6 pada tahun 2022 [Carta 3].

Carta 3

Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR) bagi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata dan Indeks Harga Pengguna (IHP), Johor, 2016 - 2024



A. INTRODUCTION

Private final consumption is an important component and a main driver of Malaysia's economic growth. In 2024, it remained as the largest contributor at 60.7 per cent of Gross Domestic Product (GDP) at current prices. Consumption expenditure has indirectly created demand and thus, stimulated the country's economy. Among the factors that can influence changes in the composition and pattern of household consumption in Malaysia are income levels, price of goods and consumer preference. Therefore, understanding consumer behaviour plays an important role in the implementation of effective strategies to achieve national economic growth goals, improve well-being and standard of living of the society. Household consumption expenditure can be studied through the Household Expenditure Survey (HES) that was conducted by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) to collect comprehensive data.

B. SURVEY BACKGROUND

HES 2024 is the 17th survey since its first implementation in 1957/1958. The survey is conducted periodically by the DOSM, once every five years until 2014 to obtain information on the level and pattern of household expenditure on various goods and services. Starting in 2016, HES was integrated with the Household Income Survey (HIS) and carried out twice within five years period to enhance the timeliness of data and the accuracy of estimates.

HES 2024 was conducted using the systematic random sampling method, similar to the implementation of previous surveys. The sample for this survey was selected based on the list of dwellings obtained from the Population and Housing Census of Malaysia 2020. This selection method enables the estimates produced to represent the Malaysian household population, which is estimated at 8.7 million in 2024, covering all states and administrative district levels.

In its early phase of implementation, household expenditure data was primarily used to provide weights for the compilation of the Consumer Price Index (CPI) and to conduct studies on household spending patterns. In line with changes in the country's economic and social structure, this information now plays an important role in various aspects of development and policy planning. Data obtained through HES is now widely used for the calculation of GDP, measurement of the Poverty Line Income (PLI), assessment of the cost of living and inequality analysis.

C. SURVEY FINDINGS

The summary of findings presents the outcomes divided into three (3) sections encompassing the monthly household consumption expenditure statistics, percentage of the highest three subgroups of monthly household consumption expenditure by main groups, as well as the monthly household consumption expenditure and CPI.

1. MONTHLY HOUSEHOLD CONSUMPTION EXPENDITURE STATISTICS

Consumption expenditure refers to the portion of income spent on personal consumption of goods and services. Based on the survey findings, the mean of monthly household consumption expenditure rose from RM5,342 in 2022 to RM5,927 in 2024 with the Compounded Annual Growth Rate (CAGR) of 5.2 per cent. Over the same period, the mean of household income increased from RM8,517 to RM9,484.

Meanwhile, median monthly household consumption increase from RM4,636 in 2022 to RM5,280 in 2024 with the CAGR of 6.5 per cent. The mean of monthly per capita household consumption expenditure is obtained by dividing the value of household expenditure in 2024 by the number of population in Johor, increase from RM1,701 in 2022 to RM1,957 in 2024, with an increase of 7.0 per cent.

1.1 MONTHLY HOUSEHOLD CONSUMPTION EXPENDITURE BY MAIN GROUPS


The comparison of mean monthly household consumption expenditure's percentage for 2024 and 2022 provides insight into changes in household spending patterns in line with the country's socio-economic development. During that period, household spending was influenced by factors such as the rising cost of living and changes in household demographics. Analysis based on these 13 main expenditure groups allows for an assessment to be done on the expenditure's percentage that records an increment or decrement.

The survey findings in 2024 shows six (6) main groups show increases in composition of household expenditure compared to 2022. The highest increase was recorded in the Restaurants & Accommodation Services (2.1 percentage points) followed by Transport (0.7 percentage points); Recreation, Sport & Culture and Insurance & Financial Services (0.2 percentage points); Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance are 0.1 percentage points, respectively.

On the other hand, seven (7) other groups recorded a decline in the composition of expenditure in 2024 as compared to 2022. The largest decrease was recorded in Food & Beverages and Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (-0.9 percentage points) followed by Information & Communication (-0.8 percentage points); Health and Education Services (-0.3 percentage points); Alcoholic Beverages & Tobacco and Clothing & Footwear are -0.1 percentage points, respectively [Exhibit 1].

Exhibit 1

The composition of mean monthly household consumption expenditure by 13 main groups, Johor, 2022 and 2024



1.2 MONTHLY HOUSEHOLD CONSUMPTION EXPENDITURE BY ADMINISTRATIVE DISTRICT


The analysis of household consumption expenditure by administrative district is essential to understand geographical variations in spending patterns and household well-being in Malaysia. A study by Ismail et al. (2023)², in the *Journal of Malaysian Economics* shows that household spending patterns vary by location, influenced by factors such as income level, household demography as well as the prices of local goods and services.

²Ismail, N. A., Daud, L., Mohd, S., Samat, N., & Ridzuan, A. R. (2023). Consumption pattern determinants of low-income household: Evidence from Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 57(3), 31-45.

The mean monthly household consumption expenditure by administrative district in Johor shows the highest total was recorded in Johor Bahru district while the lowest was in Mersing district. Two administrative districts recorded the mean monthly household consumption expenditure above the state level (RM5,927) which are Johor Bahru (RM6,764) and Kulai (RM6,254). The other administrative districts recorded the mean monthly household consumption expenditure below the state level [Chart 1].

Chart 1

Mean monthly household consumption expenditure by administrative district, Johor, 2024



1.3 MONTHLY HOUSEHOLD CONSUMPTION EXPENDITURE BY HOUSEHOLD SIZE

Survey findings indicate that one-person households recorded the mean of monthly expenditure of RM4,088. Next, two-person households recorded the mean expenditure of RM5,141. For three-person households, the mean expenditure is RM5,859, while households consisting of four persons and more recorded the mean expenditure of RM6,576.

Findings show one-person households spent 29.7 per cent on Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels group. The percentage decreases to 25.1 per cent for two-person households, 23.2 per cent for three-person households and 20.5 per cent for households consisting of four persons and more [Table 1].

Table 1

Percentage of monthly household consumption expenditure by household size, Johor, 2024

Expenditure groups	Composition			
	Household size (person)			
	One	Two	Three	Four and more
Food & Beverages	15.8	16.5	16.6	16.5
Alcoholic Beverages & Tobacco	2.0	1.9	2.1	2.1
Clothing & Footwear	2.1	2.4	2.5	2.8
Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels	29.7	25.1	23.2	20.5
Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance	4.2	4.5	4.1	3.9
Health	4.7	4.1	3.7	3.3
Transport	10.6	11.9	12.7	12.6
Information & Communication	4.0	5.0	5.5	5.9
Recreation, Sport & Culture	3.4	3.0	3.4	3.6
Education Services	0.3	0.4	1.0	1.9
Restaurants & Accommodation Services	14.6	14.4	15.3	16.6
Insurance & Financial Services	3.7	4.7	4.3	4.7
Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services	4.9	6.1	5.6	5.6
TOTAL	100.0	100.0	100.0	100.0
MEAN MONTHLY OF HOUSEHOLD CONSUMPTION EXPENDITURE (RM)	4,088	5,141	5,859	6,576

1.4 MONTHLY CONSUMPTION EXPENDITURE BY THE HEAD OF HOUSEHOLDS' AGE GROUPS


